

BAB 3

MEMPERJUANGKAN KEADILAN EKONOMI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN

3.1 Pengenalan

Malaysia di bawah kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad jelas memainkan peranan yang menonjol dalam mempengaruhi agenda antarabangsa. Kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat tidak terlepas daripada kritikan-kritikan pedas Dr. Mahathir Mohamad. Beliau menggunakan kesempatan berucap di forum-forum antarabangsa, terutama sekali di perhimpunan agung Bangsa-bangsa Bersatu yang diadakan setiap tahun untuk mengecam dunia maju dari segi amalan ekonomi dan pendirian politik yang berkepentingan dan ternyata memberi kesan buruk kepada kebijakan dan kepentingan negara-negara membangun.

Kelantangan Dr. Mahathir Mohamad dalam menuarai isu-isu negara membangun memang dapat dikesan sejak kali pertama beliau menyampaikan ucapan di perhimpunan agung PBB pada tahun 1982. Dalam ucapan sulung sebagai ketua kerajaan Malaysia, pada tahun 1982 di Perhimpunan Agung PBB, beliau telah menimbulkan soal peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu sendiri, soal Palestin, Kampuchea, sistem aparteid, ketidakadilan dasar negara maju dan kuasa barat serta isu Antartika. Dalam

ucapan-ucapan berikutnya iaitu pada tahun 1984, 1986, 1988 dan 1991 persoalan yang sama berkaitan dengan masalah Kampuchea, sistem apartheid, bahaya nuklear, dadah, kuasa barat serta isu Antartika telah ditimbulkan sekali lagi kerana masih belum diselesaikan oleh masyarakat antarabangsa.⁶⁰ Dengan meneliti ucapan-ucapan Dr. Mahathir Mohamad di agenda-agenda antarabangsa kita dapat melihat betapa konsistennya beliau dalam memperjuangkan kepentingan negara-negara membangun dalam konteks perebutan kuasa dan pengaruh dalam politik antarabangsa yang sentiasa bergolak.

Sebagai pemimpin negara, Dr. Mahathir Mohamad merupakan jurucakap yang lantang bersuara mengenai pelbagai masalah serta isu yang dihadapi oleh negara-negara membangun. Beliau telah menyuarakan pendirian Malaysia dan negara-negara membangun yang lain dipelbagai forum antarabangsa dengan berkesan sekali. Forum-forum ini termasuk ASEAN, PBB, Pertubuhan Komanwel, dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Dr. Mahathir Mohamad mengambil sikap jujur dan berterus terang dalam mengkritik sikap serta pendirian negara-negara maju. Sikap ini telah menjadikan Dr. Mahathir Mohamad seorang pemimpin yang kurang disenangi oleh media Barat. Bagaimanapun, kini ramai pengkritik beliau telah mula mengakui akan kebenaran pandangannya.⁶¹

Dalam bab ini, penulis cuba membincangkan kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad dalam aspek memperjuangkan keadilan ekonomi negara-negara membangun. Untuk itu,

⁶⁰ Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm. 96

⁶¹ Murugesu Pathmanathan, *Makaysia Dan Dunia Luar: Sumbangan Mahathir*, hlm. 13

penulis mengkaji ucapan-ucapan beliau di forum-forum antarabangsa seperti PBB, Komanwel, Persidangan Negara-negara Islam, Pergerakan Negara-negara Berkecuali ASEAN dan persidangan antarabangsa yang lain. Penulis juga akan menganalisis inisiatif-inisiatif Dr. Mahathir Mohamad dalam usaha untuk menegakkan keadilan serta kebijakan ekonomi negara-negara membangun.

3.2 Inisiatif Kerjasama Selatan-Selatan

Kesedaran tentang perlunya negara-negara membangun meningkatkan kerjasama ekonomi memang telah lama wujud. Perbincangan tentang kerjasama ekonomi telah banyak dilakukan melalui Pergerakan Berkecuali.⁶² Dalam keadaan itu Dr. Mahathir Mohamad muncul dengan ideanya bagi negara-negara Selatan meningkatkan kerjasama ekonomi khususnya sesama mereka. Tujuannya ialah untuk membaiki taraf hidup negara-negara membangun melalui kerjasama di bidang ekonomi dan perdagangan. Justeru apabila negara-negara Selatan mengadakan dialognya di Kuala Lumpur pada tahun 1985, Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah jawatankuasa pemandu kerjasama Selatan-Selatan. Suruhanjaya ini adalah sebuah badan berkecuali yang tidak bergabung dengan mana-mana badan atau pertubuhan lain. Suruhanjaya ini akan berperanan sebagai sebuah pusat yang bukan saja dapat menganjurkan perbincangan-perbincangan mengenai isu-isu penting tetapi juga dapat mencari jalan penyelesaian ke atas isu-isu tersebut.

⁶² Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm. 79

Dr. Mahathir Mohamad membawa idea penubuhan suruhanjaya itu dalam sidang puncak Pergerakan Berkecuali di Harare, Zimbabwe pada tahun 1986. Cadangan Dr. Mahathir diterima dan beliau telah dilantik sebagai pengerusinya. Jawatankuasa ini kemudiannya mengusahakan penubuhan Suruhanjaya Selatan-Selatan dengan kerjasama Yayasan Selatan yang beribu pejabat di London. Ia jelas mendapat sokongan padu daripada negara-negara pergerakan tersebut.⁶³

Jawatankuasa Pemandu Suruhanjaya tersebut telah mengadakan mesyuarat pertamanya di Kuala Lumpur pada 10 Ogos 1986. Dalam mesyuarat itu, Dr. Mahathir Mohamad selaku pengerusinya telah menerangkan kemajuan yang dicapai oleh Jawatankuasa tersebut. Turut hadir di dalam mesyuarat tersebut itu ialah ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu, antaranya ialah Setiausaha Agung Komanwel, Sir Sridath Ramphal; Setiausaha Agung Yayasan Dunia Ketiga, Altaf Gauhar; Duta Bangladesh ke Malaysia, Farooq Sobhan; bekas Menteri Kewangan Tanzania; Amir Jamal; dan Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik Malaysia (ISIS), Dr. Nordin Sopie.⁶⁴

Persetujuan juga diperolehi untuk menubuhkan Suruhanjaya Selatan-Selatan yang akan berfungsi untuk mengenal pasti secara terperinci bidang-bidang dalam mana negara-negara membangun dapat mengadakan kerjasama untuk faedah dan manfaat bersama. Suruhanjaya Selatan-Selatan telah dipengerusikan oleh bekas Presiden Tanzania, Nyerere manakala bekas Menteri Kewangan India, Manmohan Singh pula dilantik sebagai

⁶³ ibid.

⁶⁴ Mokhtar A. Kadir, *Keamanan Sejagat-Peranan Malaysia dalam Politik Antarabangsa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991, hlm. 130

setiausaha agung suruhanjaya tersebut. Malaysia sebagai pengasas kepada suruhanjaya itu diwakili oleh bekas menteri luarnya iaitu Tan Sri Ghazali Shafie.⁶⁵

Semasa Mesyuarat Kedua Suruhanjaya Selatan-Selatan di Kuala Lumpur pada bulan Mac 1988 pula, Dr. Mahathir Mohamad telah mengajak negara-negara Selatan supaya bersedia mencari penyelesaian yang sempurna kepada segala masalah. Malaysia juga telah mencadangkan beberapa langkah untuk dilaksanakan oleh badan tersebut. Ini termasuk perdagangan secara terus dan Persetujuan Keutamaan Perdagangan (*Preferential Trading Arrangement*). Malaysia juga telah mengingatkan masyarakat dunia bahawa Suruhanjaya Selatan-Selatan ditubuhkan bukan untuk menggantikan hubungan ekonomi Utara-Selatan. Sebaliknya, ia bertujuan untuk menggalakkan lagi perkembangan dan kemajuan ekonomi di Selatan dan juga di antara Utara dan Selatan. Malaysia telah menyeru negara-negara Selatan supaya meningkatkan kerjasama ekonomi yang lebih gigih dalam usaha mewujudkan struktur pembangunan yang dapat menyumbang kepada kepentingan bersama. Malaysia juga berpendapat bahawa kerjasama ekonomi negara-negara Selatan akan dapat membawa banyak pembangunan terutamanya kepada negara-negara Selatan yang kini masih dalam kemunduran ekonomi, terutamanya di Afrika dan Latin Amerika.⁶⁶

Perjuangan Malaysia dalam menjaga kepentingan negara-negara membangun jelas terbukti dalam penglibatan aktifnya dalam pelbagai perbincangan mengenai isu-isu penting yang dihadapi oleh negara-negara ahli. Negara-negara Selatan yang lain telah

⁶⁵ Murugesu Pathmanathan, *Malaysia Dan Dunia Luar: Sumbangan Mahathir*, hlm. 20

⁶⁶ Mokhtar A. Kadir, *Keamanan Sejagat-Peranan Malaysia dalam Politik Antarabangsa*, hlm. 129

memberi penghormatan kepada Malaysia baru-baru ini untuk menganjurkan mesyuarat pertama G 15, iaitu Kumpulan Perundingan dan Kerjasama Selatan-Selatan, pada awal bulan Jun 1990 di Kuala Lumpur. Penghormatan ini melambangkan keyakinan negara-negara Selatan terhadap kepimpinan Malaysia untuk menganjurkan perjumpaan penting tersebut dengan jayanya.

Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan pembukaannya telah menyatakan dengan jelas komitmen Malaysia dalam memperjuangkan kepentingan negara-negara Selatan. Komitmen ini dibuat pada waktu negara-negara membangun sedang menghadapi banyak tekanan. Mesyuarat tersebut bersetuju dan menerima tiga daripada tiga belas cadangan yang telah diutarakan. Dua daripadanya dikemukakan oleh Malaysia. Perlantikan Menteri Luar Malaysia Dato' Abu Hassan Omar ke Jawatankuasa Pemandu-Pemandu (*Steering Committee*) yang telah diberi tanggungjawab meneruskan usaha-usaha ini menunjukkan bahawa Malaysia sekarang telah mula dianggap sebagai salah satu daripada anggota penting di Selatan yang berupaya memimpin negara-negara ahli yang lain. Segala keraguan mengenai keupayaan kepimpinan Malaysia terhapus apabila sidang kemuncak G 15 ini memberi kepercayaan penuh kepada Malaysia untuk mengutarakan pendirian bersama kesemua negara-negara ahli kepada Kumpulan 77.⁶⁷ Pembabitan aktif Malaysia dalam hal-ehwal Selatan bagaimanapun tidak menghalang negara ini dan para pemimpinnya untuk melibatkan diri dan seterusnya memberikan sumbangan yang berharga dalam hal-ehwal serantau.

⁶⁷ Murugesu Pathmanathan, *Malaysia Dan Dunia Luar: Sumbangan Mahathir*, hlm. 26

Penubuhan Suruhanjaya Selatan-Selatan juga merupakan salah satu strategi dasar luar Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Tindakan Malaysia bukan sekadar bercakap sahaja atau dengan slogan atau dasar, tetapi dilakukan dengan tindakan dan perbuatan. Satu daripadanya ialah dengan melawat beberapa buah negara sedang membangun terutamanya di Asia Pasifik dan Afrika.⁶⁸ Melalui lawatan itu rundingan-rundingan bagi mengukuhkan lagi kerjasama dua hala dan berbagai hala dalam semua bidang telah diadakan. Malahan beberapa perjanjian juga ditandatangani. Bukan setakat itu sahaja kerjasama dalam bidang pelaburan juga telah dipersestujui. Ini secara langsung dapat mengukuhkan kerjasama dalam bidang perdagangan dan perindustrian serta pelaburan. Sebelum ini pun Malaysia juga telah mengambil daya inisiatif dengan menubuhkan Skim Kerjasama Teknikal bagi memberi bantuan kepada negara-negara membangun.⁶⁹

Seterusnya Malaysia telah memperbanyakkan tawaran latihan dalam berbagai-bagi kepakaran dan kemahiran kepada pegawai-pegawai dan kakitangan awam dari negara-negara membangun dan miskin. Tawaran latihan ini termasuklah dalam bidang pertanian, pentadbiran, penyiaran dan pengurusan. Turut ditawarkan dalam bidang kepakaran terutama sekali dalam teknologi getah dan kelapa sawit. Kursus atau latihan ini dijalankan di berbagai-bagi pusat atau institut. Antaranya Institut Tabiran Awam Negara, atau INTAN, Institut Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR), dan juga berbagai-bagi jabatan. Ini termasuklah kursus kepada pegawai dan jurutera anggota ahli dalam bidang pertanian dan juga perparitan serta taliair. Dari segi

⁶⁸ Mokhtar A Kadir, *Keamanan Sejagat-Peranan Malaysia dalam Politik Antarabangsa*, hlm. 129

⁶⁹ ibid., hlm. 130

kewangan Suruhanjaya ini dibiayai bersama oleh negara-negara membangun melalui sumbangan masing-masing secara sukarela.⁷⁰

Jelas bahawa tanpa inisiatif Dr. Mahathir Mohamad Suruhanjaya Selatan-Selatan ini tidak akan menjadi kenyataan. Para pemimpin dari negara-negara membangun yang penubuhan suruhanjaya ini. Melalui usaha-usaha gigih yang ditunjukkan oleh Dr. Mahathir Mohamad di pentas dunia, maka kepentingan negara-negara membangun dapat dipertahankan dan dipelihara di arena politik antarabangsa.

3.3 Kumpulan Ekonomi Asia Timur-EAEC

Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEC) pada asalnya dikenali sebagai East Asia Economic Group (EAEG), yang ditimbulkan oleh Dr. Mahathir Mohamad pada 1990 sebagai satu forum rundingan bagi membincangkan permasalahan ekonomi.⁷¹ Matlamat EAEC adalah untuk meningkatkan kerjasama politik, mempromosi dan mengawal perdagangan bebas, mempertingkat persefahaman serantau dan menyumbang kepada sistem perdagangan pelbagai hala. EAEC bukanlah bertujuan untuk membentuk sebuah blok perdagangan. Ahli-ahli yang dicadangkan sebagai ahli EAEC semasa pengumumannya dibuat adalah ASEAN 7, China, Jepun dan Republik Korea.⁷²

Dengan adanya sokongan daripada ASEAN, Jepun, China dan Republik Korea, EAEC bukan sahaja akan bertindak sebagai pemangkin untuk pembangunan ekonomi,

⁷⁰ ibid., hlm. 128-132

⁷¹ Kyodo News International, Inc. 9 September 1999

⁷² ibid.

tetapi juga akan memastikan kestabilan ekonomi di rantau ini. Cadangan penubuhan EAEC oleh Dr. Mahathir Mohamad adalah berikutan dengan rasa kekecewaannya atas kegagalan Rundingan Uruguay dalam menyelesaikan masalah perdagangan pelbagai hala dan sebagai persediaan menghadapi cabaran Kesatuan Eropah-EC dan NAFTA (*North American Free Trade Agreement*).⁷³ Kekecewaan Dr. Mahathir Mohamad terhadap sikap negara-negara maju tentang amalan perdagangan bebas ini jelas terbayang dalam ucapannya di perhimpunan agung PBB pada tahun 1986. Beliau berkata:

"Adalah mengecewakan sama sekali apabila pandangan-pandangan yang diutarakan berhubung dengan hal ehwal antarabangsa ditentang dengan terus terang oleh sesetengah negara yang berpura-pura memperjuangkan perdagangan bebas. Juga mengejutkan sekali apabila penubuhan NAFTA yang dikatakan berdasarkan kepada prinsip-prinsip hak asasi negara-negara yang merdeka untuk membentuk pertubuhan perdagangan dibenarkan. Apakah hak-hak negara-negara maju itu juga adalah hak-hak negara-negara membangun."⁷⁴

Justeru itu, Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan agar negara-negara membangun dan yang miskin harus berganding bahu dalam menyuarakan pandangan-pandangan dan ketidakpuasan mereka di arena antarabangsa. Untuk tujuan tersebut, maka *East Asia Economic Caucus*, atau EAEC, dicadangkan bukan sebagai blok perdagangan tetapi sebagai satu forum bagi negara-negara membangun di Asia Timur bagi membolehkan mereka mencapai persetujuan dalam menyuarakan isu-isu yang menjelaskan kepentingan dan kebijakan bersama mereka yang disebabkan oleh tindakan-tindakan sekatan perdagangan oleh negara-negara yang kaya.⁷⁵

⁷³ Joseph Liow, "Personality, Exigencies and Contingencies: Determinants of Malaysia's Foreign Policy in the Mahathir Administration", hlm. 149-150

⁷⁴ Ucapan Dr. Mahathir Mohamad dipetik dalam Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1989, hlm. 122

⁷⁵ ibid.

Dalam mempertahankan rasional disebalik cadangan penubuhan EAEC, bekas Menteri Kewangan Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula berkata:

"... The Asian group should be able to sit with North America or Europe on an Equal footing. This would not be possible if we relied on APEC because the US and Canada also belong to the North American Free Trade Area... We would say we have a platform to deal with one monster (the US) and another platform to deal with another monster (Japan). Small countries have to be smart in dealing with large nations.⁷⁶

Dr. Mahathir Mohamad berpendapat persamaan ciri-ciri geografi, etnik, kebudayaan dan sejarah membolehkan Asia mempunyai peluang baik untuk menjadi kuasa ekonomi global yang bersatu melalui penubuhan EAEC. Kalau Dasar Pandang Ke Timur dianggap mempunyai implikasi ke atas ekonomi domestik, EAEC pula dikatakan mempunyai kesan yang menyeluruh kepada inisiatif serantau, malah sedunia. Pada masa yang sama, konsep penubuhan EAEC juga dianggap sebagai mencabar kuasa ekonomi barat dan pengaruh Amerika di rantau ini.⁷⁷ Malahan mengikut pandangan Dr. P. Ramasamy,⁷⁸ Amerika Syarikat yang tidak diundang untuk menyertai EAEC mempunyai pendirian yang bertentangan tentang kemasukan Jepun dan Korea Selatan ke dalam pertubuhan tersebut. Jepun pula enggan menganggotai EAEC disebabkan oleh bantahan Amerika Syarikat. Selain dari itu, Jepun juga sangat mengharapkan perlindungan Amerika Syarikat dari aspek keselamatan kerana baginya Amerika Syarikat adalah sebagai "*U.S. as a security umbrella (in the region)*". Selain dari itu, dari segi

⁷⁶ International Herald Tribune, 6 May 1991, dlm. David Camroux, *Looking East and Inwards*, hlm. 31

⁷⁷ Joseph Liow, "Personality, Exigencies and Contingencies: Determinants of Malaysia's Foreign Policy in the Mahathir Administration", dlm. Ho Khai Leong dan James Chin (ed), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance*, hlm. 149

⁷⁸ www.Asiaweek.com

perdagangan pula, Jepun mengalami lebihan dagangan dengan Amerika Syarikat dan bukannya dengan Asia Tenggara. Jadi tidak hairanlah Jepun terpaksa akur kepada kehendak Amerika Syarikat berhubung dengan EAEC ini.⁷⁹

Dalam usaha menangkis serangan serta mempertahankan idea penubuhan EAEC, Dr. Mahathir Mohamad, dalam Persidangan PBB pada tahun 1991 menjelaskan bahawa:

"The East Asia Economic Group or EAEG was proposed, not as a trade block, but as a forum for the nations of East Asia to confer with each other in order to reach agreement on a common problem caused by the restrictive trade practices of the rich. We are perplexed to find that this objective merely to have a voice in international affairs is being opposed openly and covertly by the very country which preaches free trade... One is tempted to suspect racist bias behind the stand"⁸⁰

Dari perspektif ekonomi, cadangan yang diumumkan oleh Dr. Mahathir Mohamad itu dianggap sebagai satu langkah yang wajar kerana ia dapat melindungi kepentingan ekonomi negara-negara membangun daripada terjejas akibat tindakan ekonomi negara-negara maju yang menindas. Melalui penubuhan EAEG juga adalah menjadi sukar bagi negara-negara blok perdagangan dari Eropah dan Amerika untuk terus mengenepikan pendirian dan persetujuan yang dicapai oleh ahli-ahli EAEG yang ternyata akan mempunyai kekuatan pasaran di dunia. Potensi EAEG untuk berkembang sebagai pasaran utama dunia pasti lebih besar jika dibandingkan dengan *European Community* (EC) ataupun NAFTA.⁸¹

⁷⁹ Asiaweek. Com, 15 Mac 2000

⁸⁰ Ucapan Dr. Mahathir diperlakukan dalam David Camroux, *Looking East And Inwards: Internal Factors in Malaysian Foreign Relations During The Mahathir Era, 1981-1994*, hlm.32

⁸¹ Keahlian NAFTA terdiri dari negara-negara Utara yang mengamalkan perdagangan bebas sesama mereka tanpa sebarang sekatan.

Tidak hairanlah usaha merealisasikan EAEC kekal sebagai perjuangan yang berpanjangan bagi Dr. Mahathir Mohamad disebabkan oleh bantahan Amerika dan Australia. EAEG digantikan dengan *East Asian Economic Caucus* (EAEC) dan beroperasi dalam kerangka *Asia Pacific Economic Cooperation* (APEC).⁸² Pertukaran konsep EAEG (group) kepada EAEC (caucus) jelas dianggap sebagai satu kegagalan usaha diplomatik Dr. Mahathir Mohamad dalam dasar luar negaranya.⁸³ Namun begitu pada 6 Mac 2000, Menteri Luar Malaysia, Datuk Syed Hamid Albar dalam Parlimen menyatakan EAEC telah berjaya dibentuk. Beliau berkata mesyuarat ASEAN+3 yang diadakan di Manila di antara ASEAN, Jepun dan Korea Selatan bersetuju memperkuuhkan ekonomi, sosial, teknik dan kerjasama lain di rantau tersebut. Ini bermakna EAEC telahpun diamalkan.⁸⁴

3.4 Isu Benua Antartika

Persoalan Antartika, iaitu satu isu yang telah diketepikan selama hampir tiga dekad, telah menjadi tajuk utama perbincangan masyarakat dalam beberapa tahun kbelumkangan ini. Tumpuan masyarakat dunia baru-baru ini terhadap benua terpencil ini adalah atas daya usaha bersama Malaysia dan beberapa buah negara lain seperti Antigua dan Barbuda semasa Perhimpunan Agung ke 38 PBB pada 1983. Walaupun sebahagian besar komuniti dunia menyedari akan wujudnya masalah serius berkenaan benua Antartika, kesedaran serta usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah tersebut baru-baru

⁸² AB. Wahab bin Che Mat, *Dr. Mahathir Dan Dasar Luar Malaysia: Kajian Kepimpinannya Dalam Mengurus Isu-isu Hubungan Malaysia-Singapura*, Tesis M.A, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Universiti Malaya, 1998, hlm. 71

⁸³ David Camroux., *Looking East And Inwards*, hlm.32

⁸⁴ www.Asiaweek.com

ini adalah berpunca daripada peranan Malaysia dan negara-negara lain seperti Antigua dan Barbuda.⁸⁵

Secara ringkasnya, isu Antartika berkisar di sekitar persoalan samada benua Antartika dan kekayaan semulajadinya patut diletakkan di bawah hak milik masyarakat dunia, iaitu sebagai warisan manusia sejagat, atau wajarkah beberapa negara tertentu diberi kebenaran mengusahakan hasil semulajadi benua Antartika yang meliputi hampir 8.9 peratus permukaan darat.

Semasa Sesi ke 37 Perhimpunan Agung PBB di New York pada 29 September 1982, Dr. Mahathir Mohamad selaku wakil Malaysia, telah menegaskan bahawa Antartika adalah milik dunia.⁸⁶ Oleh itu, negara-negara yang mendakwa wilayah-wilayah tertentu di benua tersebut sebagai hak mereka mestilah menarik balik dakwaan tersebut supaya PBB dapat mentadbir benua tersebut sepenuhnya, tegas Dr. Mahathir Mohamad.⁸⁷ Beliau juga menyeru PBB mengadakan mesyuarat khas untuk menentukan hak semua negara dunia ke atas benua ini. Malaysia berpendapat bahawa Perjanjian Antartika yang telah ditandatangani pada 1959 oleh 12 negara termasuk Argentina, Australia, Chile, Jepun, Russia, Amerika Syarikat dan United Kingdom perlu dikaji semula.⁸⁸ Ini adalah kerana *Antarctica Treaty System* ternyata hanya menguntungkan segolongan negara tertentu dan terus mengabaikan kepentingan negara-negara membangun yang lain. Dalam bulan November 1984, Malaysia berjaya mendapatkan

⁸⁵ Murugesu Pathmanathan, *Malaysia dan Dunia Luar: Sumbangan Mahathir*, hlm. 21

⁸⁶ Govin Alagasaki, *Mahathir: The Awakening*, Sabah: Uni Strength Sdn. Bhd., 1994, hlm. 130

⁸⁷ Murugesu Pathmanathan, hlm. 21

⁸⁸ ibid.

ketetapan PBB dalam sesi persidangan 38 untuk memasukkan isu pengagihan sumber-sumber asli Antartika dalam agenda PBB.⁸⁹ Lanjutan daripada desakan itu satu ketetapan telah diambil dalam sesi Ke 38 PBB supaya Setiausaha Agong membuat kajian yang menyeluruh mengenai isu, Antartika termasuk *Antarctica Treaty System*, dan pengagihan sumber-sumber asli yang terdapat. Dalam ucapan pertama pada tahun 1982, Dr. Mahathir Mohamad berhujah:

"Seperti perut laut dan laut, Antartika sebagai bumi yang tidak dihuni adalah milik masyarakat antarabangsa. Negara-negara yang dewasa ini mentadbirkannya hendaklah melepaskannya untuk diserahkan sama ada kepada PBB bagi ditadbirkan atau penghuni-penghuni sekarang bertindak sebagai pemegang amanah kepada semua bangsa di dunia."⁹⁰

Sehubungan dengan itu dalam bulan November 1984 Malaysia berjaya mendapatkan ketetapan PBB untuk memasukkan isu pengagihan sumber-sumber asli Antartika dalam agenda PBB yang Ke 39 dan turut mengambilkira hak dan kepentingan negara-negara membangun.⁹¹ Namun begitu, disebabkan bantahan daripada negara-negara *Antarctica Treaty System*, terutamanya Amerika Syarikat dan Rusia, Malaysia tidak berjaya mendapat ketetapan untuk menubuhkan Jawatankuasa Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menggantikan *Antarctica Treaty System* yang ada.⁹²

⁸⁹ Mokhtar bin Muhammad, *Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dari 1970-1990. Kesinambungan Dan Perubahan*, Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya, 1998, hlm. 481

⁹⁰ Ucapan Dr. Mahathir Mohamad di petik dalam Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm. 101

⁹¹ Antartika, mempunyai bahan-bahan galian seperti besi, arang, uranium, plumbum, nikel, kobalt, emas, perak, timah, zink, tembaga, platinum, kromium, minyak dan gas. Selain itu, terdapat 90% daripada air tawar dunia yang terdapat dalam bentuk air batu dan salji. Benua Antartika juga mempunyai kedudukan yang strategik dari segi perhubungan kerana dikelilingi oleh empat buah lautan.

⁹² Mokhtar bin Muhammad, *Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dari 1970-1990. Kesinambungan Dan Perubahan*, hlm.481

Pada masa ini, pengurusan mengenai hal ehwal Antartika dibuat oleh wakil-wakil negara-negara yang menjadi ahli-ahli *Antarctica Treaty (1959)*. Dr. Mahathir Mohamad berpendapat sistem tersebut hanya menguntungkan segolongan kecil ahli-ahli *Antarctica Treaty System*. Struktur keahlian yang bercorak dua tingkatan (two-tier) adalah tidak adil kerana keputusan hanya boleh dibuat oleh 16 buah negara ahli asal perjanjian tersebut, sungguhpun 12 buah negara lagi adalah menjadi ahli bersama.⁹³ Sebaliknya, 12 buah negara-negara ini hanya dibenarkan membuat kajian tanpa mempunyai kuasa untuk mengundi atau membuat sebarang keputusan. Ini adalah bertentangan dengan matlamat asal perjanjian asal di mana Antartika sepatutnya diurus oleh satu rejim antarabangsa untuk faedah manusia seluruhnya.⁹⁴

Dr. Mahathir Mohamad berpendapat hak-hak dan aspirasi serta pandangan mereka juga patut diberi pertimbangan dalam rejim antarabangsa Antartika. Justeru itu, pengurusan mengenai Antartika yang berdasarkan sistem keistimewaan ini adalah dikecam hebat oleh Dr. Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agong Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1984.⁹⁵ Penubuhan rejim bahan-bahan galian untuk tujuan perlombongan di kawasan Antartika juga adalah bertentangan dengan Konvensyen Undang-undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu (*Sea-Bed Convention on the Law of the Sea*) dan mencadangkan mendirikan satu Jawatankuasa Antarabangsa "Sea Bed" (*International Sea-Bed Authority*). Pada pendapat Dr. Mahathir Mohamad, rejim galian

⁹³ Ahlinya terdiri dari Argentina, Chile, Australia, Afrika Selatan, New Zealand, Belgium, Perancis, Jepun, Norway, United Kingdom, Amerika Syarikat, dan Rusia. Sejak Treati itu diwujudkan 16 buah negara telah dibenarkan menyertai treati tersebut. Pada tahun 1961, Bulgaria, Brazil, China, Czechoslovakia, Denmark, Jerman Barat, Jerman Timur, India, Itali, Belanda, Papua New Guinea, Peru, Poland, Romania, Sepanyol dan Uruguay telah diterima sebagai anggota Treati tersebut.

⁹⁴ Chamil Wariya, *Dasar Luar-Era Dr. Mahathir*, hlm 102

⁹⁵ ibid.

ini (Minerals Regime) ini adalah satu lagi percubaan oleh ahli-ahli perjanjian untuk memperluaskan lagi kuasa mereka.⁹⁶

Sehubungan dengan itu, negara-negara membangun khususnya, telah memberi sokongan kepada pendirian Dr. Mahathir Mohamad dalam menyuarakan kelemahan isu Antartika ini.⁹⁷ Ini jelas terbukti dengan kejayaan beliau memasukkan isu pengagihan bahan-bahan galian di Antartika dalam agenda Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1985. Satu pencapaian dasar ini adalah kemasukan tiga Resolusi Draf tentang Antartika melalui pengundian di dalam Jawatankuasa Pertama pada 2 Disember 1985 di Bangsa-Bangsa Bersatu. Dua dari tiga resolusi itu datangnya dari Malaysia. Usaha Dr. Mahathir Mohamad dalam meningkatkan lagi kesedaran antarabangsa khususnya negara-negara membangun tentang apa yang berlaku di benua Antartika telah mendapat sokongan dari kebanyakan ahli di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pendirian serta cadangan Dr. Mahathir Mohamad untuk membuat Antartika sebagai warisan bersama untuk faedah bersama seluruh benua akan mendatangkan faedah bukan sahaja kepada segolongan negara tertentu sahaja malah kepada negara-negara membangun yang lain. Walaupun usaha Dr. Mahathir Mohamad memperjuangkan isu tersebut telah memperkenalkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa, banyak pengkritik mengatakan ianya tidak rasional, membazir dan buang masa sahaja.⁹⁸

⁹⁶ Mokhtar bin Muhammad, hlm. 482

⁹⁷ Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm.102

⁹⁸ Mohd. Yusuf Ahmad, *Continuity and Change in Malaysia's Foreign Policy, 1981-1986*, Tesis Phd, Fletcher School of Law and Diplomacy, Tuft University, USA: 1990, hlm. 366

3.5 Memperjuangkan Harga Komoditi

Oleh kerana Malaysia serta negara-negara membangun yang lain merupakan negara pengeluar utama komoditi dunia, maka dalam ucapan sulungnya di PBB pada tahun 1982, Dr. Mahathir Mohamad juga telah menimbulkan soal itu secara konsisten untuk perhatian umum. Dalam hubungan ini, beliau meminta kerjasama negara-negara maju untuk menstabilkan harga bahan mentah yang kerap mengalami turun naik melalui perjanjian-perjanjian antarabangsa. Langkah ini disyorkan dengan tujuan memastikan bahawa harga komoditi tidak menjunam ke paras yang rendah akibat permintaan yang menurun dan harganya menjadi stabil seperti harga barang siap yang dihasilkan oleh negara-negara maju tanpa pengaruh pasaran dunia. Menurut beliau negara-negara maju sengaja mempermainkan harga bahan-bahan mentah pengeluaran negara membangun untuk keuntungan mereka sahaja tanpa memikirkan kepentingan dan kebijakan negara-negara membangun.⁹⁹

Sehubungan itu, di persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kali ke 36, beliau menyelar negara-negara maju kerana menetapkan harga barang komoditi mengikut "*whims and fancies of a host people*" yang tidak kena mengena dengan keluaran barang komoditi tersebut. Mengikut beliau, harga barang komoditi sengaja dimanupulasi oleh broker-broker, para pengedar dan pemain saham agar mengaut keuntungan yang lumayan tanpa memikirkan kebijakan negara pengeluar barang komoditi tersebut.¹⁰⁰ Dalam persidangan yang sama juga beliau mengkritik Amerika

⁹⁹ Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm.98

¹⁰⁰ Ucapan Dr. Mahathir Mohamad dipetik dalam David Lazarus dan Pathmathan, *Winds of Change: The Mahathir Impact on Malaysia's Foreign Policy*, Kuala Lumpur: Eastview Productions Sdn. Bhd. 1984, hlm. 148

Syarikat kerana telah menyalahgunakan penubuhan stok penimbal getah dan timah bagi tujuan-tujuan strategik. Beliau menyatakan:

"As if all these are not enough, the United States maintains a stockpile ostensibly for strategic (meaning security) reasons. We fully support the needs of the U.S for strategic reserves but the administration of this reserve is clearly not influenced by problems of strategy. The stockpile is merely a rich nations monopolistic weapon used to depress prices of commodities for the benefit of the consumers."¹⁰¹

Apa yang dikesalkan ialah stok itu dilimpahkan ke pasaran apabila harganya turun dengan tujuan untuk mempengaruhi harga supaya jatuh yang bukan didesak oleh kepentingan strategik. Oleh kerana itu, jelas Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapannya pada tahun 1982:

"Malaysia cuba untuk memecahkan lingkaran jahat sistem pasaran komoditi lama. Kita cuba untuk menubahruan sebuah sistem yang lebih saksama yang akan mengekalkan harga-harga yang munasabah disamping memastikan terdapat bekalan timah dan getah secukupnya di pasaran dunia. Dalam menuju ke arah ini, kita cuba membentuk satu persatuan pengeluar yang berkesan tanpa berniat untuk mewujudkan keadaan monopolistik."¹⁰²

Beliau juga meminta kerjasama negara-negara pengguna supaya membantu untuk menjayakan skim menstabilkan harga komoditi itu dengan menyertai sebuah perjanjian pengeluar-pengguna untuk menjaga kepentingan bersama. Walaubagaimanapun, seruan ini tidak mendapat sambutan yang baik dari pihak negara-negara maju. Walaupun begitu, Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah berputus asa dalam memperjuangkan isu negara-

¹⁰¹ ibid.

¹⁰² Ucapan Dr. Mahathir Mohamad di petik dalam Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm. 99

negara pengeluar komoditi yang terdiri dari negara-negara membangun apabila beliau berkesempatan berucap di forum-forum antarabangsa. Dalam soal memperjuangkan harga komoditi, Dr. Mahathir Mohamad jelas mengambil pendirian yang tegas dan bersungguh-sungguh kerana Malaysia dan negara-negara membangun yang lain sebagai pengeluar barang komoditi akan mengalami kesan buruk kerana ekonomi mereka terjejas.

Pada Persidangan Kemuncak Kedua Kumpulan G-15 yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1990, Malaysia telah mengambil inisiatif menubuhkan SITTDEC, sebuah data bank, dengan harapan hubungan perdagangan di kalangan negara-negara Selatan dapat dipertingkatkan lagi. Ia ditubuhkan dengan pembiayaan oleh kerajaan Malaysia sendiri. Selain dari itu Malaysia juga telah berusaha mengadakan Perjanjian Kemudahan Pembayaran Dua Hala (BPA) atau *Bilateral Payment Agreement* dan *multilateral* yang akan diuruskan Bank Pusat Malaysia bagi tujuan kemudahan perdagangan di antara negara Selatan-Selatan. Mengikut perspektif Malaysia, sebagaimana diutarakan di Persidangan Kemuncak Ketiga di Senegal pada bulan November 1992, tujuan utama penubuhan G-15 adalah untuk meningkatkan pembangunan di kalangan ahli serta bersatu di bawah satu payung dan seterusnya menjadi wakil di forum-forum seperti PBB, Persidangan Hak Asasi Sedunia dan badan-badan antarabangsa yang lain.¹⁰³

¹⁰³ David Camroux, *Looking East and Inwards*, hlm. 24

3.6 Kesimpulan

Dalam konteks politik antarabangsa, meskipun Dr. Mahathir Mohamad mewakili sebuah negara kecil dan bukan sebuah kuasa tentera tetapi beliau memainkan peranan yang menonjol dalam agenda antarabangsa dalam mempertahankan kebijakan ekonomi negara-negara membangun. Apabila beliau merasakan kepentingan ekonomi negara-negara membangun terancam, beliau tidak teragak-agak untuk bersuara lantang menentang dasar negara-negara maju yang menindas negara-negara membangun. Malahan beliau sanggup mengambil beberapa inisiatif baru seperti EAEC bagi mempertahankan kepentingan ekonomi negara-negara membangun walaupun mendapat bantahan yang kuat dari '*giant economies*' seperti Amerika Syarikat. Namun begitu itu tidak mematahkan semangat beliau untuk terus memperjuangkan matlamatnya. Beliau terus menggunakan peluang berucap di arena antarabangsa untuk menyuarakan pendapatnya dengan berkesan dan berkonsisten.

Jelas di sini isu-isu yang ditengahkan oleh beliau tadi menerusi forum-forum antarabangsa mendapat perhatian dunia. Walaupun perubahan sikap serta dasar negara maju terhadap negara-negara membangun dikatakan tidak berubah dengan ketara tetapi tindakan beliau sekurang-kurangnya membuka mata masyarakat dunia terhadap kelemahan-kelemahan yang wujud dan berusaha mencari jalan penyelesaian.